

NO. SOALAN: 39

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN NEGARA**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATO' DR. TAN KEE KWONG

TARIKH : 31 OKTOBER 2016

RUJUKAN : 9335

SOALAN:

Dato' Dr. Tan Kee Kwong [Wangsa Maju] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan sama ada pihak Kementerian masih berhasrat membawa masuk 1.5 juta pekerja warga Bangladesh, dan jika ada adakah pekerja asing tanpa izin yang sedia ada, serta pelarian Rohingya dan pelarian Syria tidak dapat menepati keperluan pasaran buruh.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Menyentuh isu 1.5 juta pekerja asing Bangladesh yang dibangkitkan oleh YB, Kerajaan ingin menegaskan bahawa angka ini bukanlah merupakan angka yang mutlak. Jumlah 1.5 juta pekerja asing yang sering disebut ini merujuk kepada jumlah warganegara Bangladesh yang berdaftar dengan pihak kerajaan mereka untuk berkerja di luar negara mereka dan tidak semestinya untuk ke negara ini. Jumlah sebenar kemasukan pekerja Bangladesh akan bergantung kepada keperluan sebenar majikan semasa permohonan dibuat dan akan dinilai berdasarkan kelayakan serta kemampuan setiap majikan untuk mematuhi peraturan yang ditetapkan oleh Kerajaan seperti memberi keutamaan pekerjaan kepada rakyat tempatan terlebih dahulu.

Malahan, Kerajaan juga sangat berhati-hati dalam perkara ini agar peluang pekerjaan kepada rakyat tempatan tidak terjejas dan sentiasa dilindungi. Penetapan ini bukan sahaja dikenakan kepada negara Bangladesh tetapi kepada semua negara sumber yang dibenarkan.

Pekerja asing tanpa izin (PATI) yang sedia ada tidak boleh dimanfaatkan untuk memenuhi keperluan buruh Negara. PATI

tidak mempunyai dokumen perjalanan yang sah dan tidak ada pengesahan rekod asal usul. Sehubungan itu, PATI tidak dapat dipertimbangkan untuk diberi kebenaran bekerja kerana akan menimbulkan risiko keselamatan kepada Negara.

Bagi Migran Syria yang telah menyertai Program Penempatan Sementara Migran Syria, kumpulan ini telah diberikan kebenaran untuk bekerja tertakluk kepada kelayakan masing-masing dan peluang pekerjaan yang ada. Namun begitu, mengikut jangkaan yang dibuat berdasarkan daripada komitmen Negara untuk membantu 3,000 Migran Syria ini, hanya satu perempat sahaja daripada kalangan mereka yang dijangka akan memasuki pasaran kerja berdasarkan dari latar belakang mereka manakala yang selebihnya adalah terdiri daripada orang tua, kanak-kanak dan wanita suri rumah.